

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Friday, February 24, 2017 2:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Kerjasama TISSA-UUM Dan Yayasan Muhibah Lahir Modal Insan Berkualiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



24 FEBRUARI 2017 / 27 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

KERJASAMA TISSA-UUM DAN YAYASAN MUHIBAH LAHIR MODAL INSAN BERKUALITI



UUM ONLINE: Yayasan Muhibah Tan Sri Fng Ah Seng terus komited untuk bekerjasama dengan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Intan Safinaz, Universiti Utara Malaysia (TISSA-UUM) dalam usaha melahirkan modal insan kelas pertama yang memenuhi aspirasi negara.

Pengerusinya Tan Sri Dato' Paduka Dr. Fng Ah Seng berkata beliau amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bersama-sama menjayakan projek pembangunan pembelajaran dan pengajaran di TISSA-UUM.

"Seperti yang semua sedia maklum, TISSA-UUM merupakan antara pusat pengajian perakaunan yang terulung di negara ini. Sehubungan itu, adalah menjadi hasrat Yayasan Muhibah untuk meningkatkan kualiti modal insan ke tahap yang lebih tinggi menerusi kerjasama ini," katanya.

Menurutnya jalinan hubungan (networking) dengan pihak luar membolehkan lebih banyak program-program bermanfaat dapat direalisasikan menerusi perkongsian kepakaran di antara pihak yang terlibat.

"Kerjasama ini memberi sumbangan besar terhadap kelestarian kualiti pengajaran, penyelidikan dan perundingan yang dilaksanakan di institusi pendidikan tinggi sekali gus peranan universiti dapat diperkasakan dan terus relevan dalam melahirkan graduan yang berpotensi tinggi dan lebih menepati keperluan pasaran."

"Sejak beberapa tahun lalu Yayasan Muhibah telah terlibat dengan banyak program bersama TISSA-UUM antaranya melalui syarahan "The Mind of CEO" dan "Leadership in Dynamic Environment," persidangan ABESCHI atau Accounting, Business and Economics Students Conference for Holistic Improvement (2016), Qualitative Research Conference (QRC 2016), projek melibatkan komuniti iaitu Jerai Road Challenge 2016 dan Hari Keluarga TISSA-UUM 2016 yang memberi kebaikan kepada kedua-dua pihak," ujar beliau pada Majlis Perasmian Bilik Seminar Tan Sri Fng Ah Seng di TISSA-UUM petang semalam.

Tan Sri Fng Ah Seng menyumbang RM150,000 bagi menaiktaraf bilik seminar yang dinamakan sempena nama beliau itu untuk memastikan program perancangan dan penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dalam suasana yang lebih kondusif yang dapat dimanfaatkan untuk sesi percambahan minda dan peningkatan ilmu.

Tambah beliau, sehingga kini Yayasan Muhibah telah menyumbang sebanyak RM380,000 (termasuk menaik taraf Bilik Seminar) kepada TISSA khususnya dan UUM amnya, sejak tahun 2012 hingga 2016.

Sementara itu, Dekan TISSA-UUM, Prof Dr Ayoib Che Ahmad berkata TISSA-UUM komited untuk menjadi pusat pengajian unggul yang menjadi rujukan dunia.

"Dalam usaha untuk mencapai hasrat tersebut, TISSA-UUM telah memberi tumpuan kepada beberapa aspek penting yang merupakan tunggak kepada keserjanaan institusi akademik iaitu penyelidikan dan penerbitan, pengajaran dan pembelajaran, akreditasi dan strategik serta kolaborasi dengan pihak industri dan badan profesional.

"Usaha ini telah membuahkan kejayaan apabila TISSA-UUM telah tersenarai dalam Top 200 QS World Ranking pada 2016, selain memberi komitmen tinggi dalam usaha UUM untuk mendapatkan status AACSB pada 2016.

"Kini TISSA-UUM terus mengorak langkah untuk mendapatkan satu lagi pengiktirafan antarabangsa yang memfokuskan kepada program perakaunan dan perakaunan sistem maklumat iaitu EPAS (the EFMD Programme Accreditation System) yang diuruskan oleh European Foundation for Management Development (EFMD).

"Diharapkan sokongan dan sumbangan berterusan daripada Yayasan Muhibah akan melonjakkan lagi kecemerlangan TISSA-UUM sehingga ke persada dunia," jelasnya.

Hadir sama Timbalan Dekan TISSA-UUM, Prof. Madya Dr. Nor Aziah Abd Manaf, pegawai-pegawai kanan UUM, staf TISSA-UUM dan staf Epic Valley Holdings Sdn Bhd.

Sebelum itu dalam majlis berasingan, UUM dan Yayasan Muhibah telah memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) yang mana menerusi MoA itu Yayasan Muhibah bersetuju untuk memberi sumbangan kewangan berjumlah RM400 ribu setahun untuk tempoh 5 tahun iaitu sebanyak RM2 Juta, bagi penambahbaikan prasarana dan aktiviti pembangunan pelajar UUM, khususnya TISSA-UUM.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.